



<https://journal.unisza.edu.my/jimk>

## [STUDENT ACCEPTANCE OF COURSE CURRICULUM IMPLEMENTATION OF ISLAMIC BASIC PRINCIPLES (CTU 101) AT UITM]

### PENERIMAAN PELAJAR TERHADAP PELAKSANAAN KURIKULUM KURSUS PRINSIP-PRINSIP ASAS ISLAM (CTU 101) DI UITM

RUBIAH ABU BAKAR<sup>1\*</sup>  
ABDUL MANAM MOHAMAD<sup>2</sup>

<sup>1</sup> Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) UiTM, Kampus Kuala Terengganu Malaysia.  
<sup>2</sup>Universiti Sultan Zainal Abidin, Terengganu.

\*Corresponding author: [abdulmanam@unisza.edu.my](mailto:abdulmanam@unisza.edu.my)

Received Date: 9 Januari 2015 • Accepted Date: 9 Januari 2015

#### **Abstract**

*This study aims to analyze the acceptance of students towards the implementation of the Basic Principles of Islam (CTU 101) course curriculum which is one of the Islamic Study Courses in UiTM (MARA Institute of Technology). The focus of this study is to investigate the level and relationship between students' acceptance in terms of content, teaching and evaluation. This survey study involved 300 students who were randomly chosen and a set of questionnaires was utilized as the instrument of study. A pilot study was conducted among 30 students to determine the reliability of instrument used by using Alpha Cronbach with value 0.960, and value 0.964. A set of questionnaire consists of part A (demography background of participants) and part B, C, D and E (questions of variables) was used to collect data for this study. Data were analyzed by using Software SPSS version 17.0 (Statistic Packages For Sosial Science) and reported by using of descriptive statistics of min, percentage and median, and also by making inferences to analyzed the relationship among the variables. The findings of study show that participants positively accepted CTU 101 course with content min average of content 4.1733 (high), teaching 4.0693 (high) and evaluation 3.9996 (high). Besides that, correlation Pearson analysis was used to analyzed the relationship among the variables and for this study, it was found that significant relationship between the acceptance of participants with the content, teaching and evaluation aspect of CTU 101 course. The high score of each aspect or variable and the significant relationships show that students positively accepted the course. However, a few aspects of the course should be given attention and a few improvements should be done in order to give students good perception towards Islamic Study Course.*

*Keywords: Acceptance, student, Basic Principle of Islam (CTU 101).*

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip Asas Islam (CTU 101) yang merupakan salah satu Kursus Pengajian Islam di UiTM (Institut Teknologi MARA). Fokus kajian ini adalah untuk mengkaji tahap dan hubungan antara penerimaan pelajar dari segi kandungan, pengajaran dan penilaian. Kajian tinjauan ini melibatkan 300 pelajar yang dipilih secara rawak dan satu set soal selidik digunakan sebagai instrumen kajian. Kajian rintis dilakukan di kalangan 30 pelajar untuk menentukan kebolehpercayaan instrumen yang digunakan dengan menggunakan Alpha Cronbach dengan nilai 0.960, dan nilai 0.964. Satu set soal selidik terdiri daripada bahagian A (latar belakang demografi peserta) dan bahagian B, C, D dan E (soalan pemboleh ubah) digunakan untuk mengumpulkan data untuk kajian ini. Data dianalisis dengan menggunakan Perisian SPSS versi 17.0 (Paket Statistik Untuk Sains Sosial) dan dilaporkan dengan menggunakan statistik deskriptif min, peratusan dan median, dan juga dengan membuat kesimpulan untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah. Hasil dapatan kajian menunjukkan bahawa peserta menerima kursus CTU 101 secara positif dengan kandungan min purata kandungan 4.1733 (tinggi), pengajaran 4.0693 (tinggi) dan penilaian 3.9996 (tinggi). Selain itu, analisis korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis hubungan antara pemboleh ubah dan untuk kajian ini, didapati bahawa hubungan yang signifikan antara penerimaan peserta dengan kandungan, pengajaran dan aspek penilaian kursus CTU 101. Skor tinggi setiap aspek atau pemboleh ubah dan hubungan yang signifikan menunjukkan bahawa pelajar menerima kursus secara positif. Walau bagaimanapun, beberapa aspek kursus harus diberi perhatian dan beberapa penambahbaikan harus dilakukan untuk memberi persepsi yang baik kepada pelajar terhadap Kursus Pengajian Islam.

**Kata kunci:** Penerimaan, Pelajar, Prinsip-prinsip asas Islam (CTU)

**Cite as:** Rubiah Abu Bakar & Abdul Manam Mohamad. 2015. Penerimaan Pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum prinsip-prinsip asas Islam (CTU 101) di UiTM. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 9(1): 20-33.

## PENGENALAN

Penawaran kursus atau mata pelajaran pendidikan Islam mempunyai sejarah yang panjang dan kaitan yang sangat rapat dengan masyarakat Melayu sejak zaman kesultanan Melaka lagi. Universiti Teknologi MARA (UiTM), yang ditubuhkan bertujuan untuk melatih kaum Bumiputera dalam bidang professional dan separa professional, turut menawarkan kepada para pelajarnya kursus-kursus Pendidikan Islam dan Tamadun Islam. Penawaran kursus pendidikan Islam di UiTM ini bersesuaian dengan Falsafah Pendidikan Islam serta bertujuan untuk menghasilkan graduan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan fizikal berasaskan pegangan yang teguh kepada nilai-nilai Islam.

## LATARBELAKANG KAJIAN

Kajian ini dilakukan bertujuan untuk mengenal pasti penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU101) iaitu satu kursus atau mata pelajaran

Pendidikan Islam yang ditawarkan di UiTM Kampus Kuala Terengganu. Ianya ditawarkan oleh Pusat Pemikiran dan Kefahaman Islam (CITU) kepada pelajar semester pertama dalam pelan pembelajaran mereka dan boleh mengambilnya di semester-semester seterusnya sekiranya gagal atau belum mengambilnya lagi. Kursus yang ditawarkan ini merupakan kursus wajib universiti dan mempunyai dua jam kredit serta dua jam pertemuan dalam seminggu. Penawaran kursus ini kepada pelajar-pelajar semester pertama di UiTM mempunyai objektifnya yang tersendiri seperti menjelaskan Islam sebagai al-Din, menghubungkan konsep akidah sebagai teras kehidupan dan mengaplikasikan tuntutan syariah, ibadah dan akhlak dalam pembangunan diri, masyarakat dan negara (Silibus CTU 101 : 2008). Penawaran kursus ini kepada para pelajar di UiTM merupakan satu langkah yang wajar kerana kursus Pendidikan Islam merupakan kursus yang penting dalam membentuk generasi yang beriman, bertakwa dan berakhlak mulia.

Isi kandungan kursus CTU 101 ini memfokuskan kepada lima tajuk utama iaitu bermula dengan Islam sebagai Al-Din, akidah teras pembangunan Muslim, syariah dalam kehidupan Muslim, ibadah membina insan berkualiti dan tajuk terakhir iaitu akhlak dalam pembentukan jati diri Muslim. Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran kursus ini dilakukan dalam dua kaedah iaitu kaedah kuliah serta tutorial dan kaedah kerja kursus. Pelaksanaan penilaian bagi kursus ini juga dinilai melalui dua kaedah iaitu peperiksaan akhir yang mewakili 60% markah dan melalui kaedah penilaian berterusan yang mewakili 40 % markah.

Setelah sekian lama kursus ini ditawarkan dan dilaksanakan, dengan puluhan ribu pelajar yang telah mengikuti serta menghabiskan tempoh pembelajarannya di UiTM, satu kajian untuk melihat penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus tersebut perlu dilakukan. Kajian ini perlu dilakukan kerana kursus ini bukanlah satu kursus atau mata pelajaran dari komponen bidang yang diambil oleh pelajar tetapi merupakan kursus wajib universiti yang ditawarkan untuk semua pelajar Muslim. Hasil kajian ini akan memberi banyak manfaat kepada pihak-pihak tertentu, seperti pihak penggubal kursus (CITU), boleh memperbaiki lagi mutu kandungan kursus, kepada tenaga pengajar pula dapat mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran agar menarik minat pelajar dan juga kepada para pelajar itu sendiri supaya menjadikan Islam sebagai satu cara hidup.

## **SOALAN KAJIAN**

Kajian ini akan cuba menerokai persoalan-persoalan seperti:

- i. Apakah tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan, pengajaran dan penilaian kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101)?.
- ii. Adakah terdapat hubungan antara kandungan kursus dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101)?.
- iii. Adakah terdapat hubungan antara pengajaran dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101)?.
- iv. Adakah terdapat hubungan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap

pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101)?

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Secara khususnya, empat objektif utama kajian dibuat bagi menjawab persoalan-persoalan yang telah dibentuk iaitu:

- i. Untuk menentukan tahap penerimaan pelajar terhadap kandungan, pengajaran dan penilaian kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101).
- ii. Untuk mengkaji hubungan antara kandungan dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101).
- iii. Untuk menganalisis hubungan antara pengajaran dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101).
- iv. Untuk menganalisis hubungan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101).

## **METODOLOGI**

Kaedah deskriptif digunakan dalam kajian ini untuk mengetahui peratusan, min serta sisihan piawai pemboleh ubah. Menurut William Wiersma (1986), kajian yang menggunakan kaedah ini lazimnya merupakan satu kajian yang bersistematik kerana pemboleh ubah-pemboleh ubah selalunya tidak dimanipulasikan oleh pengkaji berkenaan. Kajian korelasi iaitu analisa inferens dipilih bagi mengetahui hubungan antara pemboleh ubah kajian iaitu bagi melihat hubungan antara kandungan, pengajaran dan penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101). Menurut Mohamed Najib (1999), kajian korelasi menerangkan tentang kekuatan kaitan dan melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan ataupun tidak.

## **RESPONDEN DAN PENGUMPULAN DATA**


Populasi pelajar UiTM keseluruhannya adalah lebih kurang seramai 180,000 orang pelajar. Manakala jumlah mereka yang belajar di UiTM Terengganu sahaja adalah lebih kurang seramai 5,000 orang pelajar. Manakala populasi dan sampel dalam kajian ini adalah pelajar-pelajar yang sedang belajar di UiTM Kampus Kuala Terengganu sahaja dan tidak mengambil kira keseluruhan pelajar di UiTM Terengganu. Pemilihan kajian hanya difokuskan kepada UiTM Kampus Kuala Terengganu sahaja kerana dijangkakan kampus ini akan berkembang dengan lebih baik dari segi infrastruktur serta penawaran kursus yang lebih banyak akan dibuat. Ketika kajian ini dilakukan, populasi pelajar di kampus Kuala Terengganu ini adalah seramai lebih kurang 1000 orang iaitu bilangan yang diambil pada tahun 2009. Jumlah responden yang diambil dalam kajian ini adalah seramai 300 orang iaitu 1/3 daripada populasi yang ada. Menurut Wiersma (2000), 1/3 daripada populasi kajian sudah mencukupi bagi mewakili sesuatu

sampel.

Data-data yang diperoleh melalui soal selidik daripada responden di rekod dan diproses menggunakan perisian Statistical Package for Social Sciences (SPSS for Windows, version 17.0).

## KERANGKA KONSEP

Berdasarkan objektif kajian yang telah dikemukakan, maka kerangka konsep kajian telah dibentuk dan ditunjukkan di bawah ini.



**Rajah 1:** Penerimaan Pelajar Terhadap Pelaksanaan Kurikulum Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu

## HIPOTESIS KAJIAN

Berdasarkan kepada rajah 1 serta menjawab kepada soalan kajian, maka hipotesis-hipotesis berikut telah dibentuk.

H1 : Terdapat tahap penerimaan yang baik pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu dari aspek kandungan, pengajaran dan penilaian.

H2: Terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

H3: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam CTU 101 di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

H4: Terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam CTU 101 di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

## HASIL DAN PERBINCANGAN

### Analisa Deskriptif

Dapatan kajian ini dianalisis dengan menggunakan SPSS versi 17.0 dan dilaporkan dalam bentuk analisa deskriptif seperti min, peratusan dan sisihan piawai serta analisa inferensi untuk melihat hubungan. Secara keseluruhannya penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU 101 adalah baik serta aspek kandungan, pengajaran dan penilaian mempunyai hubungan dengan penerimaan pelajar terhadap kursus tersebut. Analisis hasil dapatan kajian dari aspek kandungan, pengajaran dan penilaian berdasarkan analisis min, peratusan dan sisihan piawai ditunjukkan dalam jadual di bawah.

#### i. Kandungan

Jadual 1: Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap kandungan kursus CTU 101 (n=300)

KANDUNGAN	STS (%)	TS (%)	TP (%)	S (%)	SS (%)	Min	SP
Saya berminat dengan tajuk kandungan kursus ini	1.0	0.3	5.0	55.3	38.3	4.30	0.671
Saya berminat dengan huraian kandungan kursus ini	0.3	0.3	7.3	59.7	32.3	4.23	0.622
Saya berminat untuk mendalami kandungan kursus ini	1.0	0.7	6.3	51.7	40.3	4.30	0.705
Saya berpuas hati dengan kandungan kursus ini	3.0	1.7	5.3	45.0	45.0	4.27	0.876
Saya berpuas hati dengan huraian kandungan kursus ini	0.3	0.7	8.7	56.3	34.0	4.23	0.657
Saya berpuas hati dengan lima tajuk utama kursus ini	0.3	0.3	11.7	58.0	29.7	4.16	0.657
Saya berpuas hati dengan objektif kandungan kursus ini	0.3	1.0	12.0	51.3	35.3	4.20	0.710
Kursus ini sesuai ditawarkan kepada pelajar diploma semester pertama	0.3	0.7	10.0	60.3	28.7	4.16	0.647
Kursus ini sesuai dan berkaitan dengan isu-isu semasa	2.0	1.0	10.7	50.3	36.0	4.18	0.813
Kandungan kursus ini bersesuaian dengan tajuk kertas kerja yang Diberikan	0.3	1.3	9.0	57.3	32.0	4.19	0.676
Kandungan kursus ini memberi kesan untuk saya lebih mendalami ilmu agama	0.3	1.0	15.7	55.3	27.7	4.09	0.705
Kandungan kursus ini memberi kesan untuk saya sentiasa menghadiri kelas	0.3	1.3	11.0	55.3	32.0	4.17	0.696

Min keseluruhan = 4.173      Sisihan Piawai = 0.492

Jadual 1 di atas menunjukkan analisa mengikut peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap kandungan Kursus CTU 101. Hasil dapatan kajian didapati pernyataan “Saya berminat dengan tajuk kandungan kursus ini” dan “Saya berminat untuk mendalami kandungan kursus ini” mencatat min tertinggi iaitu 4.30 dan sisihan piawainya pula ialah masing-masing 0.67 dan 0.70. Terdapat sebanyak 55.3 peratus sangat setuju, 38.3 peratus setuju, 5.0 peratus tidak pasti, 0.3 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus responden yang sangat tidak setuju. Manakala pernyataan “Saya berminat untuk mendalami kandungan kursus ini”, terdapat sebanyak 40.3 peratus responden sangat setuju, diikuti 51.7 peratus setuju, 6.3 peratus tidak pasti, 0.7 peratus tidak setuju dan 1.7 peratus sangat tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Saya berpuas hati dengan objektif kandungan kursus ini ” menunjukkan min sebanyak 4.20 dan sisihan piawainya pula ialah 0.71. Terdapat sebanyak 35.3 peratus responden memilih sangat setuju, manakala 51.3 peratus setuju, 12.0 tidak pasti, 1.0 tidak setuju dan selebihnya 0.3 peratus menyatakan sangat tidak setuju.

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Kandungan kursus ini menyebabkan saya bersungguh untuk ke kelas dan tidak ponteng” mendapat sebanyak 58.7 peratus responden sangat setuju, diikuti 23.0 peratus setuju, 23.0 peratus tidak pasti, 2.3 peratus tidak setuju dan hanya 1.0 peratus sahaja sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.84 dengan sisihan piawai sebanyak 0.735.

Secara keseluruhannya min yang diperolehi ialah 4.173 dan sisihan piawai 0.492. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU 101 daripada aspek kandungan adalah tinggi.

ii. Pengajaran

**Jadual 2:** Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap pengajaran kursus CTU 101 (n=300)

<b>PENGAJARAN</b>	<b>STS (%)</b>	<b>TS (%)</b>	<b>TP (%)</b>	<b>S (%)</b>	<b>SS (%)</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Pengajaran pensyarah menarik minat saya untuk menelaah kursus	-	3.7	21.3	56.7	18.3	3.88	0.781
Pengajaran pensyarah menarik minat saya untuk mendalami bidang agama	-	2.3	21.0	56.3	20.3	3.93	0.764
Saya berpuas hati dengan huraian pensyarah kursus ini	0.3	7.0	19.0	40.3	33.3	3.99	0.914
Saya berpuas hati dengan kaedah kuliah kursus ini	1.7	5.3	18.0	44.0	31.0	3.97	0.925
Saya berpuas hati dengan kaedah tutorial kursus ini	0.3	6.3	19.3	45.0	29.0	3.96	0.876

Pengajaran dalam Bahasa Melayu adalah sesuai untuk kursus ini	0.3	4.0	6.7	54.0	35.0	4.19	0.756
Pengajaran pensyarah memberi kesan untuk saya menelaah kursus ini	0.3	3.3	28.0	50.0	18.3	3.83	0.774
Pensyarah sentiasa bersedia dengan apa yang ingin diajar	0.3	0.7	15.3	50.0	33.7	4.16	0.723
Pensyarah sentiasa bersedia menjawab sebarang Kemusykilan	0.3	0.3	11.7	58.3	29.3	4.16	0.655

Min keseluruhan = 4.069 Sisihan Piawai 0.538

Jadual 2 di atas menunjukkan analisa mengikut peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap pengajaran Kursus CTU 101. Hasil dapatan kajian didapati pernyataan “Pensyarah bersungguh dalam menyampaikan pengajaran” mencatat min tertinggi iaitu 4.20 dan sisihan piawainya ialah 0.78. Terdapat sebanyak 38.7 peratus responden menyatakan sangat setuju, 46.0 peratus setuju, 12.3 peratus tidak pasti, 2.7 peratus tidak setuju dan hanya 0.3 peratus menyatakan sangat tidak setuju. Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Pengajaran dalam Bahasa Melayu adalah sesuai untuk kursus ini” mendapat sebanyak 35.0 peratus responden sangat setuju, 54.0 setuju, 6.7 tidak pasti, 4.0 tidak setuju dan selebihnya 0.3 sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.19 dengan sisihan piawainya 0.75. “Pensyarah sentiasa pastikan pelajar dapat mengikuti apa yang diajar” juga berada pada kedudukan kedua tertinggi dengan min 4.19 dan sisihan piawainya 0.75. Sebanyak 36.0 responden sangat setuju, 50.0 peratus setuju, 11.0 peratus tidak pasti, 2.7 peratus tidak setuju dan 0.3 peratus sangat tidak setuju dan akhir sekali pernyataan “Kesungguhan pensyarah melambangkan penguasaan kepada topik yang diajar” juga mendapat min kedua tertinggi. Sebanyak 35.7 peratus sangat bersetuju, 50.3 peratus setuju, 11.3 peratus tidak pasti dan selebihnya 2.7 peratus tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.19 dengan sisihan piawai 0.73.

Seterusnya pernyataan yang mendapat min paling sedikit ialah “Pengajaran pensyarah memberi kesan untuk saya menelaah kursus ini” mendapat sebanyak 18.3 peratus responden sangat setuju, diikuti 50.0 peratus setuju, 28.0 peratus tidak pasti, 3.3 peratus tidak setuju dan hanya 0.3 peratus sahaja sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 3.83 dengan sisihan piawai 0.774.

Secara keseluruhannya min bagi aspek pengajaran ini ialah 4.06 dan sisihan piawai 0.538. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU 101 daripada aspek pengajaran adalah tinggi.

iii. Penilaian

**Jadual 3:** Analisa mengikut peratusan, min dan sisihan piawai pelajar terhadap penilaian kursus CTU 101 (n=300)



<b>PENILAIAN</b>	<b>STS (%)</b>	<b>TS (%)</b>	<b>TP (%)</b>	<b>S (%)</b>	<b>SS (%)</b>	<b>Min</b>	<b>SP</b>
Saya minat dengan penilaian markah ujian 15 %	1.0	0.7	19.7	51.7	27.0	4.03	0.764
Saya minat dengan penilaian markah kertas kerja 15 %	1.0	0.3	23.3	52.3	23.0	3.96	0.753
Saya minat dengan penilaian markah pembentangan 10%	1.0	0.3	24.0	56.0	18.7	3.91	0.724
Saya berpuas hati dengan cara pecahan markah peperiksaan Akhir	-	1.3	20.3	60.3	18.0	3.95	0.660
Saya berpuas hati dengan pecahan markah ujian	1.0	1.0	20.0	53.0	25.0	4.00	0.763
Saya berpuas hati dengan pecahan markah Pembentangan	1.0	1.7	22.0	53.7	21.7	3.93	0.769
Saya berpuas hati dengan pecahan markah kertas kerja	0.7	1.3	21.3	50.0	26.7	4.01	0.772
Markah penilaian berterusan sesuai dengan peringkat pelajar semester satu	1.0	1.7	16.0	50.3	31.0	4.09	0.788

Markah peperiksaan akhir sesuai dengan peringkat pelajar semester satu	1.0	1.0	16.3	54.3	27.3	4.06	0.752
Markah 10 % pembentangan memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini	3.0	1.7	16.3	50.3	28.7	4.00	0.888
Markah 15% ujian memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini	0.7	3.7	18.7	49.7	27.3	3.99	0.818
Markah 15% kertas kerja memberi kesan untuk saya mendapatkan A kursus ini	1.0	1.0	23.3	48.3	26.3	3.98	0.793
Markah pembentangan membuatkan saya bersungguh untuk menjawab soalan-soalan dikemukakan	1.3	1.3	17.3	49.3	30.7	4.07	0.807
Markah kertas kerja membuatkan saya bersedia untuk mencari bahan rujukan	1.7	1.0	15.0	58.0	24.3	4.02	0.765
Penilaian markah berterusan dan peperiksaan akhir membuatkan saya sentiasa bersungguh untuk menelaah kursus ini	0.7	1.3	18.0	58.0	22.0	3.99	0.718

Min keseluruhan = 3.99 Sisihan Piawai 0.550

Jadual 3 di atas menunjukkan analisa mengikut peratusan, min dan sisih piawai pelajar terhadap penilaian Kursus CTU 101. Hasil dapatan kajian didapati pernyataan “Markah penilaian berterusan sesuai dengan peringkat pelajar semester satu” mencatat min tertinggi iaitu 4.09 dan sisihan piawainya ialah 0.788. Terdapat sebanyak 31.0 peratus responden menyatakan sangat setuju, 50.3 peratus setuju, 16.3 peratus tidak pasti, 1.7 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus menyatakan sangat tidak setuju.

Pernyataan yang mendapat min kedua tertinggi ialah “Markah pembentangan membuatkan saya bersungguh untuk menjawab soalan-soalan dikemukakan ” mendapat sebanyak 30.7 peratus responden sangat setuju, 49.3 peratus setuju, 17.3 peratus tidak pasti, 1.3 peratus tidak setuju dan selebihnya 1.3 peratus sangat tidak setuju. Min bagi pernyataan ini ialah 4.07 dengan sisihan piawainya 0.807.

Seterusnya pernyataan “Saya minat dengan penilaian markah pembentangan 10%” mendapat min yang paling sedikit iaitu 4.09 dengan sisihan piawai 0.788. Sebanyak 18.7 peratus responden sangat setuju, diikuti 56.0 peratus setuju, 24.0 peratus tidak pasti, 0.3 peratus tidak setuju dan 1.0 peratus sahaja sangat tidak setuju.

Secara keseluruhannya min bagi aspek pengajaran ini ialah 3.99 dan sisihan piawai 0.550. Ini menunjukkan bahawa penerimaan pelajar terhadap Kursus CTU 101 daripada aspek penilaian juga adalah tinggi.

### ANALISIS INFERENSI

- i. Terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Jadual 4: Korelasi hubungan antara kandungan dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Penerimaan pelajar	Signifikan $p$	Pearson , $r$
Kandungan kursus ctu 101	0.000	0.580**

\*\* . Signifikan pada aras keertian= 0.01 (2-tailed).

Berdasarkan jadual 4, didapati nilai pekali korelasi,  $r$  bagi penerimaan pelajar dengan kandungan kursus adalah bersamaan dengan 0.580. Ianya menunjukkan korelasi yang kuat dan nilai pekali korelasi yang positif memberitahu bahawa wujudnya perkaitan antara kedua pemboleh ubah tersebut. Memandangkan nilai  $p=0.000$  adalah lebih kecil dari 0.01 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan pelajar dengan kandungan Kursus CTU 101.

- ii. Terdapat hubungan yang signifikan antara pengajaran dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

**Jadual 5:** Korelasi hubungan antara pengajaran dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Penerimaan Pelajar	Signifikan	Pearson , r
Pengajaran	0.000	0.378**

\*\**. Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed).*

Berdasarkan jadual 5, didapati nilai pekali korelasi, r bagi penerimaan pelajar dengan pengajaran kursus adalah bersamaan dengan 0.378. Ianya menunjukkan korelasi yang kuat dan nilai pekali korelasi yang positif memberitahu bahawa wujudnya perkaitan antara kedua pemboleh ubah tersebut. Memandangkan nilai  $p=0.000$  adalah lebih kecil dari 0.01 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan pelajar dengan pengajaran Kursus CTU 101.

- iii. Terdapat hubungan yang signifikan antara penilaian kursus dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) kursus CTU 101 di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

**Jadual 6:** Korelasi hubungan antara penilaian dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Penilaian	0.000	0.370**
-----------	-------	---------

\*\**. Signifikan pada aras keertian 0.01 (2-tailed).*

Berdasarkan jadual 6, didapati nilai pekali korelasi, r bagi penerimaan pelajar dengan pengajaran kursus adalah bersamaan dengan 0.370. Ianya menunjukkan korelasi yang kuat dan nilai pekali korelasi yang positif memberitahu bahawa wujudnya perkaitan antara kedua pemboleh ubah tersebut. Memandangkan nilai  $p=0.000$  adalah lebih kecil dari 0.01 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara penerimaan pelajar dengan pengajaran Kursus CTU 101

Oleh kerana kesemua keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara kandungan, pengajaran dan penilaian dengan penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

## PERSAMAAN REGRESI

Selain itu, ujian regresi juga dibuat untuk menunjukkan pemboleh ubah yang manakah mempunyai hubungan yang paling mempengaruhi penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) di UiTM Kampus Kuala Terengganu.

Jadual 7: Jadual Persamaan Regresi Bagi Pemboleh ubah

Item	Nilai pekali	Aras Signifikan
Kandungan	0.000	Signifikan
Pengajaran	0.380	Tidak signifikan
Penilaian	0.241	Tidak signifikan

Berdasarkan jadual 23, nilai pekali bagi pemboleh ubah kandungan kursus adalah bersamaan dengan 0.000 dan ianya menunjukkan nilai pekali yang positif serta aras yang signifikan. Manakala dua pemboleh ubah lain iaitu pengajaran dan penilaian masing-masing mempunyai nilai pekali 0.380 dan 0.241, yang menunjukkan aras yang tidak signifikan.

Oleh itu dua pemboleh ubah iaitu pengajaran dan penilaian tidak mempunyai aras signifikan serta kurang mempengaruhi penerimaan pelajar. Manakala kandungan kursus adalah pemboleh ubah yang paling mempengaruhi serta signifikan kepada penerimaan pelajar terhadap pelaksanaan kurikulum kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101).

## CADANGAN

Berdasarkan dapatan kajian ini pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak-pihak berkenaan. Antaranya ialah:

- i. Pihak penggubal kursus perlu menambah kandungan kursus supaya pelajar lebih mendalami kursus Pendidikan Islam.
- ii. Tenaga pengajar Pendidikan Islam seharusnya meningkatkan lagi kualiti pengajarannya dengan menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran terkini.
- iii. Sistem pembelajaran di institusi hendaklah lebih menumpukan kepada pembelajaran amali selain daripada teori bagi kursus Pendidikan Islam.
- iv. Aspek penilaian perlu dinilai bersesuaian dengan kaedah OBE (Outcome Based Education) seperti memberi markah penilaian berterusan lebih banyak daripada markah peperiksaan agar pelajar lebih memandang berat persoalan agama.

## KESIMPULAN

Hasil dapatan kajian mendapati pelajar di UiTM Kampus Kuala Terengganu menerima dengan baik pelaksanaan kurikulum Kursus Prinsip-Prinsip Asas Islam (CTU 101) serta aspek kandungan, pengajaran dan penilaian mempunyai hubungan dengan penerimaan pelajar

terhadap kursus tersebut. Hasil daripada kajian yang telah dilakukan ini boleh dimanfaatkan oleh semua pihak seperti pihak penggubal kursus serta tenaga pengajar untuk mereka mengukur dan memperbaiki kelemahan yang ada ke arah yang lebih baik agar pelajar dapat terus menerima dan memandang kursus Pendidikan Islam sebagai satu kursus yang penting dan bermanfaat.

## RUJUKAN

- Abdul Malik Samuri.1997.Penggunaan Bahan Sumber Pengajaran Di Kalangan Guru Bahasa Melayu Daerah Muar. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Abdull Sulaiman bin Ismail.2004.Penghasilan Manual Garis Panduan Pembinaan Item Aneka Pilihan. Tesis Sarjana. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Affandi bin Ag Ghani.2006.Persepsi Pelajar Terhadap Penggunaan Buku Teks Jawi Pendidikan Islam Dalam Pembelajaran: Satu Kajian Ke Atas Pelajar Tingkatan 4, Sekolah Menengah Kebangsaan Kota Masai, Johor Bahru. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Malaysia.
- Affendy Ismail.2002.Mengurus PPI Ke Arah Mencapai Aspirasi Universiti Bertaraf Dunia. Dalam Musa Ahmad dan Ishak Muda (ed.). Islam Dan Pengurusan Menghadapi Dimensi Globalisasi. Shah Alam: Pusat Pendidikan Islam., hlm.89.
- Ahmad Hidayat Buang.2009.Relevansi Kurikulum Pendidikan Tinggi Islam Dengan Keperluan Semasa. Dalam Muhamad Rahimi dan Ahmad Zaki (ed.). *Pendidikan Tinggi Islam: Cabaran & Prospek*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA)., hlm.184.
- Ahmad Mohd Salleh.1997. *Pendidikan Islam: Falsafah, Sejarah Dan Kaedah Pengajaran Pembelajaran*. Selangor: Fajar Bakti Sdn.Bhd.
- Ahmad Yunus Kasim & Ab.Halim Tamuri.2010.Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah: Kajian Kes Guru Cemerlang Pendidikan Islam. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 2 (2)13-30.
- Ahmad Yunus Kasim.2000.Mata Pelajaran Elektif Tasawwur Islam KBSM: Kesannya Terhadap Perubahan Sikap Pelajar Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Seremban. Tesis Sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman & Nur Atiqah T.Abdullah.2009.Tahap Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 34(1):53-66.
- Asmawati Suhid Abdul & Rahman Md.Aroff.2006.Kepentingan Persepsi Guru Dalam Kurikulum Adab Dan Akhlak Islam (AAI). *Jurnal Pendidikan, Journal of Educational Research*.26.211-223.
- Atan Long.1978.Psikologi Pendidikan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Azman Wan Chik.1987.Kaedah Hayati Amali: *Satu Pendekatan Mengajar Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Bazitah binti Abu Bakar.2006.Hubungan Gaya Pembelajaran Dengan Pencapaian Akademik: Tinjauan Di Tiga Buah Madrasah Sepenuh Masa Di Singapura. Tesis Sarjana. Universiti Teknologi Mara.
- Che Zakiah binti Mohamad Salim.2005.Persepsi murid terhadap personaliti guru pendidikan Islam di Daerah Rembau. Tesis Sarjana. Negeri Sembilan Darul Khusus.

- Ghazali bin Hj Darusalam. Dr. Kesahan Dan Kebolehpercayaan Dalam Kajian Kualitatif Dan Kuantitatif. Kertas Kerja Jabatan Penyelidikan Dan Pembangunan. Maktab Perguruan Islam. Bangi.  
Penyelidikan, Pembangunan Dan Pengkomersilan (IRDC).Shah Alam. Februari. Anjuran Universiti Teknologi MARA.
- Zainudin Abu Bakar (Dr),Tuan Haji Meor Ibrahim Kamaruddin & Tan May Yang.2009.Pengaruh Sikap, Minat, Pengajaran Guru Dan Rakan Sebaya Terhadap Pencapaian Matematik Pelajar. No. Vot Penyelidikan 78172.Universiti Teknologi Malaysia.
- Zamali Hj. Tarmudi & Mohd Ruzaleh Nurdik.2004.Persepsi Pelajar Berpencapaian Rendah Terhadap Empat Aspek Pengajaran: Satu Tinjauan Awal. Kertas Kerja Institut